

PENYATA RASMI

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAJAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14**

HARI PERTAMA	KHAMIS, 27 JUN 2019	BIL. 5 TAHUN 14
---------------------	----------------------------	------------------------

HADIR

YB Speaker,
Tuan Suhaizan bin Kaiat

YB Timbalan Speaker,
Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

**YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan
Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Johor**
Dato' Dr. Sahrudin bin Haji Jamal, DMIJ.
(Bukit Kepong)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sumber Manusia, Sains dan Teknologi
Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia
Tuan Sr. Dzulkefly bin Ahmad
(Kota Iskandar)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat**
Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti
Tuan Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebudayaan dan Warisan
Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar
(Semerah)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan Dalam Negeri
dan Hal Ehwal Pengguna**
Tuan Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah
(Bekok)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Keusahawanan
dan Koperasi**
Tuan Haji Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali
(Paloh)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Pertanian dan
Pembangunan Luar Bandar**
YB Tuan Tosrin bin Jarvanthi, PIS II., BSI., AMN
(Bukit Permai)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar
dan Alam Sekitar**

Tuan Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur

Tuan Haji Mohd Solihan bin Badri
(Tenang)

YB Tan Sri Dato' Muhyiddin bin Mohd Yassin, PSM., SPMJ., SPSA., SPMP.,
SUNS.,SPDK.,PNBS., SMJ., PIS.,BSI., SAHM
(Gambir)

YB Dato' Haji Osman bin Haji Sopian, SPMJ., DSNS., AMN., PIS.
(Kempas)

YB Tuan Tan Hong Pin
(Skudai)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Tuan Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Tuan Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Tuan Yeo Tung Siong
(Pekan Nanas)

YB Tuan Cheo Yee How
(Perling)

YB Tuan Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan
(Serom)

YB Tuan Ng Yak Howe
(Bentayan)

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni
(Bukit Nanning)

YB Tuan Mohd. Izhar bin Ahmad
(Larkin)

YB Tuan Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor
(Kemelah)

YB Tuan Dr. Chong Fat Full
(Pemanis)

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit
(Mahkota)

YB Tuan Chew Chong Sin
(Mengkibol)

YB Tuan Tee Boon Tsong
(Senai)

YB Puan Nor Hayati binti Bachok
(Maharani)

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman
(Pulai Sebatang)

YB Tuan Ir. Khairuddin bin A. Rahim
(Senggarang)

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam
(Tiram)

YB Tuan Haji Rasman bin Haji Ithnain
(Sedili)

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari
(Johor Lama)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib
(Endau)

YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad, GPDk., PIS., PSI., AMN., KMN.
(Benut)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.
(Kahang)

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar, PIS., AMN.
(Machap)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Haji Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Datuk Md Othman bin Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

YB Senator Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.
(Buloh Kasap)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, DIMP., AMN., KMN., PIS., JP.
(Penawar)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli
(Parit Raja)

YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, PMW.
(Layang-Layang)

YB Tuan Hahasrin bin Hashim
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail
(Pasir Raja)

YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep
(Bukit Pasir)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Azmi bin Rohani, SPMJ., DMIJ., PIS

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., SIJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Dato' Haji A. Rahim bin Haji Nin, DMIJ., SMJ., SIJ., PIS., PSI.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Datuk Haji Salahuddin bin Ayub, DSPN.
(Simpang Jeram)

YB Tuan Haji Mazlan bin Bujang
(Puteri Wangsa)

YB Dato' Che Zakaria bin Mohd. Salleh, DIMP.
(Permas)

Persidangan bermula pada jam 9.30 pagi.

DOA.

(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR MEMANGGIL DEWAN NEGERI UNTUK BERMESYUARAT.

Pemasyhuran oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertua Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim. Dengan ini memanggil Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 27 Jun 2019 jam 9.30 pagi sebagai tarikh dan waktu bagi memulakan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Negeri Keempat Belas.

Jurutulis : TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

YB Speaker : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Bacaan selawat).

Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi membolehkan kita semua menyambut keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia Tuanku, di hadapan Tangga Agung bangunan ini, maka saya tangguhkan Persidangan ini sehingga jam 10.30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 9.35 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 10.20 pagi.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Sukacitanya saya maklumkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Tuanku akan berangkat masuk sebentar lagi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Duli Yang Maha Mulia Tuanku berkenan untuk bertitah kepada Dewan ini.

DYMM Tuanku Sultan Johor : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmaanirrahim. Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Segala puji bagi Allah, tuhan pentadbir seluruh alam. Selawat dan salam, kepada junjungan besar kita Nabi Muhammad, semulia-mulia Rasul, serta keluarga, dan para sahabatnya sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, dapat saya hadir merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Kedua Bagi Dewan Negeri Johor Yang Keempat Belas pada pagi yang berbahagia ini.

Saudara saudari sekalian,

Satu tahun telah pun berlalu bagi kerajaan Pakatan Harapan mentadbir negeri Johor. Beberapa perkara penting juga telah berlaku dalam proses pemimpin-pemimpin kerajaan mencari keserasian di antara mereka dan memahami selok-belok pentadbiran kerajaan negeri. Saya sebagai pemerintah utama negeri akan sentiasa memerhati dan memberi teguran bagi memastikan pentadbiran kerajaan negeri berjalan dengan baik, lancar dan teratur.

Tahniah saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dr. Sahrudin bin Jamal, Menteri Besar Johor yang baharu dan semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor yang telah dilantik.

Suka saya ingatkan bahawa setiap pemimpin yang telah dilantik mempunyai tanggungjawab yang besar dalam memikul amanah rakyat dan negeri Johor. Oleh itu, jalankan tugas yang diberikan dengan jujur dan ikhlas serta sentiasa mendahulukan kepentingan rakyat dan negeri berbanding kepentingan peribadi atau parti politik.

Saya juga menyeru kepada semua pemimpin kerajaan supaya memahami sejarah negeri Johor dan mendalami ilmu pengetahuan dalam bidang pentadbiran kerajaan supaya dapat membuat sesuatu keputusan dengan tepat dan konsisten, selaras dengan asas pembangunan negeri Johor.

Saudara saudari sekalian,

Sebagaimana yang sering saya ingatkan satu prinsip pengurusan kewangan yang mesti dipatuhi adalah jangan belanja lebih daripada hasil yang diterima. Oleh itu, kerajaan hendaklah memastikan terdapat lebihan hasil setiap tahun untuk dijadikan simpanan pada waktu susah nanti. Pepatah Melayu juga ada menyebut “ingat sebelum kena, jimat sebelum habis”.

Saya juga menyeru kepada kerajaan supaya berusaha keras untuk menarik lebih banyak pelabur terutama pelabur luar negara. Dasar kerajaan yang konsisten adalah perkara penting untuk menggalak dan mengekalkan pelaburan jangka panjang di negeri Johor.

Saudara saudari sekalian,

Rakyat akan sentiasa menilai prestasi perkhidmatan yang diberikan oleh setiap Wakil Rakyat. Oleh itu, tunaikanlah tanggungjawab untuk membawa suara dan kehendak rakyat. Bukannya bersuara dan bertindak untuk kepentingan diri sendiri. Setiap Wakil Rakyat haruslah memberikan pandangan yang baik dan sokongan yang padu untuk membantu Menteri Besar dan barisan pentadbirannya, bukan bertindak sebaliknya untuk memecahbelahkan kerajaan atau menjadi gunting dalam lipatan.

Pihak Pembangkang juga haruslah memainkan peranannya untuk memastikan segala program kerajaan benar-benar memberi faedah kepada masyarakat umum dan dilaksanakan dengan betul dan teratur.

Adalah menjadi tanggungjawab setiap Ahli Dewan untuk meneliti dan menambah-baik setiap Undang-Undang Negeri. Namun begitu, sebelum berbahas mengenai sesuatu undang-undang, setiap Ahli Dewan mestilah tahu tentang tujuan latar belakang dan asas penggubalan enakmen tersebut.

Suka juga saya ingatkan kepada semua Ahli Dewan supaya menjaga tingkah laku dan tatatertib pakaian ketika berada di Dewan ini serta patuh kepada peraturan yang telah ditetapkan. Jagalah adab ketika berbahas dan elakkan bercakap tentang isu-isu parti politik atau perkara-perkara yang sensitif berkaitan kaum dan agama.

Saudara saudari sekalian,

Saya percaya, sekiranya di dalam hati setiap pemimpin mempunyai perasaan kasih dan sayang kepada negeri Johor, mereka akan berusaha bersungguh-sungguh untuk menjaga kepentingan negeri ini. Oleh itu, saya menyeru kepada semua pemimpin, pegawai-pegawai, dan seluruh anggota kerajaan di negeri Johor, supaya tanamkan perasaan cinta dan sayang kepada negeri Johor dan curahkan khidmat bakti kepada rakyat dengan tekun, jujur dan amanah demi kemakmuran negeri dan kesejahteraan hidup rakyatnya.

Saya juga menyeru kepada semua rakyat supaya mengekalkan budaya hidup yang harmoni, saling hormat-menghormati, dan berpegang kepada lima prinsip rukun negara. Marilah kita berdoa ke hadrat Allah SWT semoga negeri Johor akan terus kekal aman dan makmur, dengan semua rakyatnya dapat hidup harmoni, bersatu padu dan bermuafakat.

Akhir kata, dengan lafaz: Bismillahirrahmaanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Penggal Kedua Bagi Dewan Negeri Johor Yang Keempat Belas. Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Jurutulis : Ampun Tuanku, Mufti Negeri Johor mohon perkenan membaca doa.

DOA.

(Mufti Negeri Johor membaca doa).

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat dan dif-dif sekalian, Duli Yang Maha Mulia Tuanku akan berangkat meninggalkan majlis ini, maka saya tangguhkan Persidangan ini sehingga hari Ahad, 30 Jun 2019 jam 9.30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.